

05 DEC 1998

Mahathir-Azhar

DR MAHATHIR YAKIN PELAYARAN MENGELILINGI DUNIA AKAN BEERJAYA

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) --Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata hasrat pelaut Azhar Mansor untuk belayar mengelilingi dunia seorang diri tanpa henti mungkin akan berjaya.

Perdana Menteri berkata beliau berharap kegiatan positif seperti percubaan Azhar itu akan menonjolkan imej negara.

Bagaimanapun, biasanya, kegiatan yang memberikan imej positif kepada negara tidak menarik minat orang ramai dan akhbar, katanya selepas merasmikan kapal layar "Jalur Gemilang" milik Azhar di Tanjung Malai di sini.

Mereka lebih berminat terhadap kegiatan yang menonjolkan imej negatif negara.

"Cuba Azhar ini duduk tepi jalan dan kibar bendera serta laung sana laung sini, tentu akhbar lebih berminat untuk melapurkan pekara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata sektor swasta perlu lebih banyak menaja kegiatan-kegiatan seperti pelayaran itu sekiranya mereka bangga dengan negara sendiri.

Azhar, 40, dari Kangar dijadualkan akan cuba mencipta rekod dunia dengan belayar mengelilingi dunia secara solo tanpa henti akhir bulan depan bermula dari Langkawi dan berakhir di Langkawi.

Diminta mengulas mengenai kenyataan George Soros, Dr Mahathir berkata pedagang matawang itu bebas memberikan pendapatnya sendiri.

Dalam kenyataannya itu Soros mahukan beliau (Dr Mahathir) disingkir daripada jawatannya manakala bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dari tahanan.

"Saya tidak mahu mengulas mengenai pekara itu," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri juga melancarkan GP Joran anjuran Berita Harian Sdn Bhd di jeti Tanjung Malai.

Kira-kira 60 pemancing mengambil bahagian dalam pertandingan akhir memancing itu yang menawarkan hadiah wang tunai RM31,000.

--BERNAMA

JM/NH WAT